

ULCERAN TABLET 40MG

Famotidine (40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Ulceran
2. Bagaimana Ulceran berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ulceran
4. Cara menggunakan Ulceran
5. Semasa menggunakan Ulceran
6. Kesan-kesan sampingan
7. Care penyimpanan dan pelupusan Ulceran
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ulceran

Ulceran digunakan untuk:

- Menyembuhkan ulser perut (ulser gastrik) atau bahagian depan usus kecil (ulser duodenum) dan melegakan gejala yang ada. Famotidine juga boleh digunakan untuk mengurangkan risiko ulserberulang.
- 'Sindrom Zollinger-Ellison' di mana perut anda menghasilkan terlalu banyak asid.
- Keadaan lain di mana pengurangan asid gastrik diperlukan: pendarahan dari bahagian atas salurangastrosus.

Bagaimana Ulceran berfungsi

Ulceran mengandungi sejenis ubat yang dikenali sebagai famotidine. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai " H_2 blockers". Famotidine berfungsi dengan mengurangkan asid yang dihasilkan dalam perut anda.

Sebelum menggunakan Ulceran

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Ulceran

jika anda:

- mempunyai alahan terhadap famotidine atau bahan- bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- pernah mempunyai alahan terhadap ubat dalam golongan ubat yang serupa – H_2 -receptor antagonist (ubat yang mengawal penghasilan asid perut yang berlebihan).

Kehamilan dan penyusuan bayi

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, atau mungkin mengandung atau merancang untuk mengandung, minta nasihat doktor atau

ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Famotidine tidak digalakkan untuk diguna semasa mengandung.

Famotidine dirembes ke dalam susu ibu. Jika anda sedang menyusui, anda harus berhenti menyusui anak atau berhenti mengambil Ulceran.

- Sebelum mula menggunakan Ulceran

Sebelum mengambil Ulceran, beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda seorang warga emas.
- Doktor akan menjalani beberapa ujian untuk mengecualikan kanser perut
- Anda mempunyai masalah buah pinggang

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil atau kemungkinan terambil sebarang ubat-ubatan.

Cara menggunakan Ulceran

- Berapa banyak harus digunakan

Telan keseluruhan tablet dengan air. Dos yang disyorkan untuk orang dewasa adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Untuk ulser:

- Rawatan: 1 pil pada waktu malam, untuk 4 hingga 8 minggu. Ini mungkin berubah mengikut tindak balas terhadap rawatan.
- Pencegahan: setengah pil pada waktumalam

Untuk 'Sindrom Zollinger-Ellison'

- Setengah pil setiap 6 jam
- Sesetengah orang mungkin memerlukan dos yang lebih tinggi untuk keadaan ini.

Kanak-kanak:

Tidak disyorkan

Masalah buah pinggang

Pengurangan dos adalah disyorkan

- Bila perlu digunakan

Sentiasa ambil Ulceran mengikut arahan doktor anda.

Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Sentiasa baca risalah maklumat RiMUP, jika boleh, sebelum memulakan rawatan.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda harus terus mengambil ubat untuk tempoh seperti yang diarah oleh doktor anda, walaupun anda sudah berasa sihat. Jangan berhenti mengambil ubat tanpa berbincang dengan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, abaikan dos yang tertinggal dan mengambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil dos berlebihan, hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera atau pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat. Sentiasa bawa bungkusan ubat dengan anda walaupun ubat sudah habis.

Semasa menggunakan Ulceran

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, ahli farmasi atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Ulceran.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor. Jangan mengambil ubat baru yang lain tanpa merujuk kepada doktor anda. Jangan beri Ulceran kepada orang lain walaupun mereka mengalami gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian **Ulceran mengandungi laktosa, iaitu sejenis gula.**

Jika anda pernah diberitahu doktor bahawa anda mengalami intoleransi terhadap sesetengah gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Memandu dan mengendalikan mesin:

Oleh kerana pening dan keletihan mungkin berlaku, pastikan anda tidak terjejas apabila anda memandu atau mengendalikan mesin selepas mengambil Ulceran.

ULCERAN TABLET 40MG

Famotidine (40mg)

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Ulceran boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua akan mengalaminya.

Di bawah merupakan kesan sampinganyang mungkin berlaku:

- Pening mungkin berlaku
- Cirit-birit, sakit kepala dan letih telah dilaporkan
- Kesan sampingan lain yang dilaporkan ialah mulut kering, sembelit, rasa loya atau muntah, ruam kulit, perut tidak selesa, tiada selera makan

Jangan risau dengan senarai ini. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Ulceran

- Penyimpanan

Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak

Simpan pada suhu tidak lebih daripada 25°C di tempat yang dingin, kering dan jauhi daripada cahaya

- Pelupusan

Jangan menggunakannya selepas ubat melebihi tarikh luput yang dicetak pada bungkusan dan blister.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Ulceran 40mg adalah berwarna perang, bulat, cembung, bersalut dengan diameter berukuran 9.5mm. Blister PVC- Aluminum dengan sisip bungkusan dibungkus di dalam karton didapati.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap tablet Ulceran 40mg mengandungi 40mg of famotidine

-Bahan-bahan tidak aktif

Tablet Ulceran 40mg juga mengandungi: Magnesium stearate, Colloidal anhydrous silica, Croscarmellose sodium, Microcrystalline cellulose, Lactose Monohydrate, Opradry buff (OY-3606)

- Nombor MAL

Tablet Ulceran 40mg
MAL19900021AZ

Pengilang

Medochemie Ltd., (Central Factory), 1-10, Constantinoupoleos Street, 3011 Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran

KOMEDIC SDN BHD, 4 Jalan PJS 11/14, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor D.E.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/08/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)240823/00070